



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
MEI 2024

Inflasi Malaysia meningkat kepada 2.0 peratus pada Mei 2024

PUTRAJAYA, 25 Jun 2024 - Inflasi Malaysia meningkat 2.0 peratus pada Mei 2024 dengan mata indeks mencatatkan 132.8 berbanding 130.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), MEI 2024**.

Peningkatan pada Mei 2024 telah didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.2%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.2%) dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.0%). Manakala, Pakaian & Kasut menurun kepada negatif 0.2 peratus dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan menurun kepada negatif 0.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan inflasi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat kepada 3.2 peratus (April 2024: 3.0%). Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh subkumpulan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan rumah kediaman, 32.1 peratus (April 2024: 31.6%). Ini seiring dengan kenaikan kadar tarif bagi bekalan air untuk pengguna domestik di Perak bermula Mei 2024. Manakala, inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat kepada 3.2 peratus (April 2024: 3.5%) disumbangkan oleh peningkatan subkumpulan utama Perkhidmatan penyediaan minuman kepada 4.1 peratus (April 2024: 3.9%).

Inflasi bagi Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan meningkat 3.0 peratus pada Mei 2024 berbanding 3.1 peratus pada April 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan bagi kelas perbelanjaan Barang kemas & jam tangan 16.5 peratus (April 2024: 17.0%).

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP mencatatkan peningkatan perlahan 1.8 peratus pada Mei 2024 (April 2024: 2.0%). Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat secara marginal kepada 0.5 peratus pada Mei 2024 (April 2024: 0.4%). Kelas perbelanjaan Sayur-sayuran merekodkan peningkatan tertinggi sebanyak 4.8 peratus berbanding 3.2 peratus pada April 2024. Antara sayur-sayuran yang mencatatkan kenaikan dua digit adalah Bawang putih, Bawang besar, Lada benggala dan Timun.

Inflasi bagi kelas perbelanjaan Daging merekod penurunan negatif 0.3 peratus pada Mei 2024 (April 2024: -0.9%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam kelas perbelanjaan Daging masih berada dalam jajaran negatif iaitu negatif 0.8 peratus (April 2024: -3.5%). Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard di Malaysia pada Mei 2024 adalah RM10.42 sekilogram berbanding RM10.45 sekilogram pada bulan Mei 2023 (April 2024: RM10.13). Manakala, purata harga Ayam standard bagi Semenanjung Malaysia pada Mei 2024 adalah RM9.71 sekilogram berbanding RM9.92 sekilogram pada bulan Mei 2023 (April 2024: RM9.33). Selain itu, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2024 memastikan harga kekal stabil semasa perayaan.

Selain itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat lebih rendah sebanyak 3.4 peratus berbanding 4.0 peratus pada bulan sebelumnya. Antara item yang merekodkan peningkatan lebih rendah berbanding bulan sebelum ialah seperti Nasi campur, Nasi lemak dan Masakan daging.

Inflasi Pengangkutan meningkat secara marginal kepada 0.9 peratus pada Mei 2024 berbanding 0.8 peratus pada April 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang

meningkat kepada 1.4 peratus pada Mei 2024 (April 2024: 1.3%). Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada Mei 2024 adalah RM3.47 seliter berbanding RM3.35 seliter pada Mei 2023 (April 2024: RM3.47).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 2.0 peratus. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.3%), Sarawak (2.8%), Pahang (2.6%) dan Selangor (2.4%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor pada 3.4 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (2.7%), Perlis (2.0%), Sarawak (1.9%), Pahang (1.8%) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (1.8%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 1.8 peratus pada Mei 2024.

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Mei 2024 merekodkan kenaikan 0.3 peratus berbanding 0.2 peratus yang telah dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh inflasi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.6%); Maklumat & Komunikasi (0.6%), Makanan & Minuman (0.3%) dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.3%). Sementara itu, inflasi teras pada Mei 2024 meningkat 1.9 peratus, kadar yang sama seperti direkodkan pada April 2024. Ini didorong oleh peningkatan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.3%) dan Makanan & Minuman (2.9%).

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (2.0%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (4.4%), Philippines (3.9%), United States of America (3.3%), Indonesia (2.8%) dan Republic of Korea (2.7%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (1.5%) dan China (0.3%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Selasa, 25 Jun 2024**

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 JUN 2024**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 25 Jun 2024

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - Mei 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Mei 2024


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Mei 2023 - Mei 2024



Carta 3


Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Mei 2023 - Mei 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 25 Jun 2024

Carta 4


Inflasi mengikut Kuadran, April 2024 & Mei 2024



Nota: Bermula Januari 2024, terdapat 62 item baharu dikemaskini dalam bakul IHP


Carta 5

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat ≤10%, April 2024 & Mei 2024



Carta 6


Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Mei 2023 - Mei 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 25 Jun 2024


Carta 7

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, April 2024 & Mei 2024



Carta 8


Inflasi bagi Makanan & Minuman, Mei 2023 - Mei 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 25 Jun 2024

Carta 9

Inflasi mengikut Negeri, April 2024 & Mei 2024




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

April 2024 | Mei 2024

Carta 10

Inflasi bagi Negara Terpilih, Mei 2023 – Mei 2024




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 25 Jun 2024


Carta 11

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
MAY 2024

Malaysia's inflation edged up to 2.0 per cent in May 2024

PUTRAJAYA, 25 June 2024 – Malaysia's inflation edged up to 2.0 per cent in May 2024 with the index points recorded at 132.8 as against 130.2 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), MAY 2024**.

The increase in May 2024 was driven by the incline in the main group of Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (3.2%); Restaurant & Accommodation Services, (3.2%) and Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.0%). Meanwhile, Clothing & Footwear declined to negative 0.2 per cent and Insurance & Financial Services declined to negative 0.1 per cent as compared to the same month of the previous year.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that, inflation for Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels increased to 3.2 per cent (April 2024: 3.0%). The increase was mainly contributed by the subgroup of Water supply & miscellaneous services relating to the dwelling, 32.1 per cent (April 2024: 31.6%). This is in tandem with the increase in water tariff rates for domestic category users in Perak starting May 2024. Meanwhile, the inflation for Restaurant & Accommodation Services increased to 3.2 per cent (April 2024: 3.5%) due to the increase in the main subgroup of Beverage preparation services to 4.1 per cent (April 2024: 3.9%).

Inflation for Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services increased by 3.0 per cent in May 2024 as compared to 3.1 per cent in April 2024. The incline was contributed by the expenditure class of Jewellery & watches at 16.5 per cent (April 2024: 17.0%).

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight recorded a slower increase of 1.8 per cent in May 2024 (April 2024: 2.0%). The main subgroup of Food at home increased marginally to 0.5 per cent in May 2024 (April 2024: 0.4%). The expenditure class of Vegetables recorded the highest increase of 4.8 per cent as compared to 3.2 per cent in April 2024. Among the vegetables that recorded a double digit increase were Garlic, Big onion, Capsicum and Cucumber.

The inflation for the expenditure class of Meat recorded a decline at negative 0.3 per cent in May 2024 (April 2024: -0.9%). Chicken as the largest component comprised 32.6 per cent in the expenditure class of Meat still in the negative territory at negative 0.8 per cent (April 2024: -3.5%). Based on data collected by DOSM, the average price of Standard chicken in Malaysia for May 2024 was RM10.42 per kilogramme as compared to RM10.45 per kilogramme in May 2023 (April 2024: RM10.13). Meanwhile, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia for May 2024 was RM9.71 per kilogramme as compared to RM9.92 per kilogramme in May 2023 (April 2024: RM9.33). Other than that, implementation the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for the Kaamatan Festival and Gawai Day 2024 ensures that prices remained stable during festive season.

Meanwhile, the main subgroup of Food away from home showed a slower increase at 3.4 per cent as compared to 4.0 per cent in the previous month. Among the items that recorded a lower increase as compared to the preceding month were Rice with side dishes, Nasi lemak and Cooked beef.

Inflation for Transport increased marginally to 0.9 per cent in May 2024 as compared to 0.8 per cent in April 2024. The increase was due to the main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased to 1.4 per cent in May 2024

(April 2024: 1.3%). The average price of Unleaded petrol RON97 in May 2024 was RM3.47 per litre as against RM3.35 per litre in May 2023 (April 2024: RM3.47).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level of 2.0 per cent. However, four states recorded increases above the national inflation level namely Pulau Pinang (3.3%), Sarawak (2.8%), Pahang (2.6%) and Selangor (2.4%). All states registered an increase in the inflation of Food & Beverages. The highest increase was recorded by Selangor at 3.4 per cent, followed by Pulau Pinang (2.7%), Perlis (2.0%), Sarawak (1.9%), Pahang (1.8%) and Wilayah Persekutuan Putrajaya (1.8%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 1.8 per cent in May 2024.

The overall monthly inflation for May 2024 recorded an increase of 0.3 per cent as compared to 0.2 per cent recorded in the previous month. The increase was mainly driven by inflation for Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (0.6%); Information & Communication (0.6%), Food & Beverages (0.3%) and Restaurant & Accommodation Services (0.3%). Meanwhile, core inflation in May 2024 increased 1.9 per cent, the same rate as recorded in April 2024. This was due to an increase in Restaurant & Accommodation Services (3.3%) and Food & Beverages (2.9%).

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (2.0%) was lower than inflation in Vietnam (4.4%), Philippines (3.9%), United States of America (3.3%), Indonesia (2.8%) and Republic of Korea (2.7%). However, the rate is higher than Thailand (1.5%) and China (0.3%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 25 June 2024

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 JUNE 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 25 June 2024

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 - May 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to May 2024

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, May 2023 - May 2024




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, May 2023 - May 2024





Chart 4 Inflation by Quadrant, April 2024 & May 2024



Note: Starting January 2024, 62 new items were updated in CPI basket

Chart 5 Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, April 2024 & May 2024




Chart 6

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, May 2023 - May 2024




Chart 7

Inflation by Main Group, April 2024 & May 2024




Chart 8

Inflation for Food & Beverages, May 2023 - May 2024





Chart 9

Inflation by State, April 2024 & May 2024



Note: W.P. refers to Wilayah Persekutuan

April 2024 | May 2024

Chart 10

Inflation of Selected Countries, May 2023 - May 2024





Chart 11 Global Selected Commodity Prices



Global commodity price (US\$) — Percentage change year-on-year **Source:** Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit